

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**



PANDUAN PEPERIKSAAN

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
1	Bahagian I Maklumat Am	3
2	Bahagian II Jadual Kerja Urusan Peperiksaan	6
3	Bahagian III Penyediaan Jadual Waktu Peperiksaan	6 – 7
4	Bahagian IV Pemeriksa	8
5	Bahagian V Penyediaan Kertas Soalan	9 – 10
6	Bahagian VI Sistem Pemprosesan Markah	11
7	Bahagian VII Syarat Menduduki Peperiksaan	12 – 13
8	Bahagian VIII Tanggungjawab Pelajar	14
9	Bahagian IX Pelantikan Petugas Peperiksaan	14 – 15
10	Bahagian X Keputusan Peperiksaan	16
11	Bahagian XI Rayuan Semakan Gred	17
12	Bahagian XII Penyelewengan Akademik	18
13	Bahagian XIII Hukuman	19
14	Bahagian XV Peperiksaan Khas	20 – 21

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN I

MAKLUMAT AM

1. UNIT PEPERIKSAAN, BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)

- i. Unit Peperiksaan di bawah Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) bertanggungjawab menguruskan urusan peperiksaan akhir.
- ii. Peranan dan fungsi utama Unit Peperiksaan:
 - a) Menjadi urusetia kepada Majlis Peperiksaan Universiti
 - b) Mengedar maklumat mengenai jadual kerja peperiksaan
 - c) Penyediaan jadual waktu peperiksaan Universiti dan keperluan perjalanan aktiviti-aktiviti peperiksaan.
 - d) Menguruskan penerimaan, percetakan, susunan dan pembungkusan kertas soalan peperiksaan akhir.
 - e) Mengendalikan minggu peperiksaan akhir (pengeluaran kertas soalan dan penerimaan skrip jawapan dan keperluan peralatan peperiksaan)
 - f) Mengeluarkan keputusan rasmi peperiksaan
 - g) Mengendalikan rekod-rekod peperiksaan.

2. MAJLIS PEPERIKSAAN UNIVERSITI

- i. Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang dibawah Seksyen 21 (5) Senat :

‘Senat boleh mewakilkan mana-mana kewajipan, fungsi dan tanggungjawab kepada mana-mana ahlinya atau suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahlinya’.
- ii. Kuasa dari Statut Senat Universiti Malaysia Pahang, dibawah para Kuasa Senat 3(a), 3(c), 3(f), 3(g), 3(i), 3(j), 3(k) dan 3(l), telah perturunkan kuasa kepada jawatankuasa ini.
- iii. Keanggotaan jawatankuasa ini terdiri daripada :
 - a) Pengerusi : Naib Canselor
 - b) Ahli-ahli :
 - Semua Timbalan Naib Canselor
 - Semua Dekan Fakulti atau wakil dari kalangan Timbalan Dekan Akademik (Fakulti)
 - Dekan atau wakil dari Timbalan Dekan (Akademik) Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
 - Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC)
 - Dua (2) orang ahli Senat di bawah kategori Profesor sepenuh masa
 - Pengarah Pusat Ko-Kurikulum
 - Pengarah Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)
 - Timbalan Pendaftar / Ketua Pentadbir BPA
 - Kaunselor
 - c) Pengerusi boleh, dari masa ke semasa mengko-opt mana-mana orang lain untuk menghadiri mesyuarat.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

- iv. Peranan dan fungsi utama Majlis Peperiksaan Universiti :
- a) Memperaku keputusan peperiksaan pelajar bagi program prasiswazah untuk pengesahan dan kelulusan Senat.
 - b) Membincang dan memperaku laporan peperiksaan oleh Lembaga Peperiksaan Fakulti (BOE) berkenaan:
 - Keputusan peperiksaan
 - Kes-kes peperiksaan (kes khas kali pertama dan kes berulang)
 - Urusan pembetulan rekod peperiksaan
 - c) Membincang dan memperakukan penganugerahan
 - d) Meluluskan jadual kerja dan laporan urusan peperiksaan.

3. LEMBAGA PEPERIKSAAN FAKULTI (BOARD OF EXAMINATION)

- i. Lembaga Peperiksaan Fakulti (BOE) hendaklah ditubuhkan oleh Dekan/Pengarah di peringkat Fakulti/Pusat khusus untuk membincangkan hal ehwal peperiksaan dan pencapaian pelajar peringkat Fakulti/Pusat.
- ii. Keanggotaan ini terdiri daripada :
- a) Pengerusi : Dekan Fakulti / Pengarah Pusat
 - b) Timbalan Pengerusi : Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) / Timbalan Pengarah
 - c) Setiausaha : Penolong Pendaftar
 - d) Ahli-ahli :
 - Ketua Program
 - Profesor
 - Profesor Madya
 - Pensyarah kanan
 - e) Dekan boleh, dari masa ke semasa mengko-opt mana-mana orang lain untuk menghadiri mesyuarat (mengikut keperluan).
- iii. Peranan dan fungsi utama Lembaga Peperiksaan Fakulti.
- a) Membincangkan dan mengesahkan keputusan peperiksaan pelajar bagi kursus Diploma dan Sarjana Muda untuk perakuan Jawatankuasa Tetap Senat Kemasukan, Peperiksaan & Pengijazahan.
 - b) Memperakukan Senarai Kepujian Dekan.
 - c) Mengesahkan penganugerahan pelajar.
 - d) Membincangkan dan memantau prestasi pencapaian kursus dan pelajar serta mencadangkan tindakan susulan.
 - e) Lain-lain tugas berkaitan peperiksaan dan pengijazahan dari masa ke semasa.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN II

JADUAL KERJA URUSAN PEPERIKSAAN

1. Jadual kerja urusan peperiksaan akan dikeluarkan pada setiap semester oleh Unit Peperiksaan sebagai panduan perkara dan tarikh tindakan mengenai peperiksaan yang perlu diambil oleh pensyarah dan pelajar.
2. Pelajar dan pensyarah adalah dikehendaki untuk mematuhi tarikh dan arahan kerja di dalam Jadual Kerja Urusan Peperiksaan yang diedarkan.

BAHAGIAN III

PENYEDIAAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

1. Tarikh peperiksaan:
 - i. Tarikh peperiksaan adalah berdasarkan kalendar akademik setiap semester akademik yang telah diluluskan oleh Senat.
 - ii. Peperiksaan boleh dijalankan setiap hari dalam tempoh peperiksaan yang ditetapkan oleh Senat kecuali tarikh yang diisytiharkan sebagai cuti umum.
 - iii. Peperiksaan bagi setiap kursus hanya boleh dijalankan dalam tempoh peperiksaan yang ditetapkan oleh Senat sahaja, kecuali kes-kes yang diluluskan secara pentadbiran oleh Naib Canselor dan dilaporkan kepada Senat dalam mesyuarat berikutnya.
2. Jadual waktu peperiksaan disediakan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).
3. Syarat penetapan slot/tarikh peperiksaan:
 - i. Peperiksaan tidak boleh dijalankan pada hari cuti umum.
 - ii. Tidak berlaku pertindihan jadual waktu peperiksaan, iaitu pelajar menduduki dua kertas peperiksaan pada masa yang sama.
 - iii. Pelajar tidak boleh menduduki peperiksaan empat (4) kali berturut-turut tanpa selang masa. Peraturan membenarkan maksimum 3 kali berturut-turut sahaja.
4. Peperiksaan bagi kumpulan kecil:

Peperiksaan bagi kursus-kursus kumpulan kecil (kurang dari 15 calon) perlu diuruskan sendiri oleh Fakulti berkenaan dan jadual waktunya hendaklah dikeluarkan oleh Fakulti berkenaan.
5. Waktu peperiksaan:

Peperiksaan akan dijalankan dalam dua (2) sesi :

 - i. Sesi 1 : mulai jam 9.00 pagi
 - ii. Sesi 2 : mulai jam 2.30 petang (Peperiksaan pada hari Jumaat akan bermula jam 3.00 petang)

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

6. Peringkat-peringkat paparan Jadual Waktu Peperiksaan Universiti:

i. Jadual Waktu Peperiksaan Draf (warna putih):

Jadual draf yang mengandungi kod kursus, bilangan pelajar, program pengajian, tarikh dan masa peperiksaan yang dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan, BPA untuk semakan pelajar dan Fakulti.

ii. Jadual Waktu Peperiksaan Muktamad (warna hijau):

Jadual rasmi yang mengandungi kod kursus, bilangan pelajar, program pengajian, tarikh dan masa peperiksaan yang dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan, BPA untuk dipamerkan kepada pelajar dan Fakulti.

iii. Jadual Waktu Peperiksaan Pindaan (warna biru):

Jadual rasmi yang dipinda selepas tempoh muktamad mengandungi kod kursus, bilangan pelajar, program pengajian, tarikh dan masa peperiksaan yang terlibat dengan pindaan.

7. Paparan Jadual Waktu Peperiksaan:

Jadual waktu peperiksaan akan dipaparkan di tempat-tempat berikut :

i. E-community pelajar dan staf

ii. Papan kenyataan utama Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Fakulti

8. Pindaan Jadual Waktu Peperiksaan.

i. Sebarang pindaan jadual waktu peperiksaan perlu dilaporkan oleh pelajar atau pensyarah kepada BPA dalam tempoh yang ditetapkan selepas jadual waktu peperiksaan draf dipamerkan. Syarat-syarat pembedahan:

a) pertembungan masa menjawab; atau

b) perubahan masa menjawab.

ii. Walaubagaimanapun, bantahan dari pelajar juga diambil kira jika pelajar berpendapat bahawa tarikh peperiksaan yang telah ditetapkan itu membebaskan mereka. Bantahan akan dipertimbangkan sekiranya :-

a) Mendapat persetujuan dan tandatangan keseluruhan pelajar yang mendaftar kursus berkenaan

b) Mendapat persetujuan pensyarah yang mengajar kursus berkenaan.

c) Mendapat pengesahan Dekan / Pengarah.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN IV

PEMERIKSA

1. **Pemeriksa Dalam:**

Semua staf akademik yang disenaraikan dalam Senarai Penawaran Kursus yang diluluskan oleh Senat secara automatik menjadi pemeriksa dalam bagi kursus berkenaan.

2. **Bidang Tugas Pemeriksa Dalam:**

- i. Menggubal soalan peperiksaan
- ii. Menjaga keselamatan draf soalan sebelum dikemukakan kepada Dekan / Pengarah
- iii. Menentukan kertas soalan disediakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
- iv. Menentukan isi kandungan kertas soalan adalah betul dan tepat.
- v. Menentukan bahasa dan ejaan dalam kertas soalan adalah betul dan tepat.
- vi. Menyemak dan menentukan bahawa semua pembetulan telah ditaip dengan tepat.
- vii. Menjalankan tugas sebagai ketua pengawas/pengawas peperiksaan seperti yang ditentukan oleh pihak Universiti.
- viii. Memberikan markah/gred bagi setiap komponen penilaian serta mengisinya dalam *System Mark Entry* dan seterusnya menyerahkan sesalinan lengkap bertandatangan kepada pejabat Dekan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
- ix. Memeriksa skrip jawapan dan memberikan markah/gred.
- x. Menghadiri mesyuarat Lembaga Peperiksaan Fakulti (BOE) dan mengemukakan keputusan peperiksaan untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Tetap Senat Kemasukan, Peperiksaan & Pengijazahan.
- xi. Membentangkan analisis keputusan peperiksaan yang diperolehi oleh pelajar di mesyuarat Lembaga Peperiksaan Fakulti (BOE).
- xii. Menyelaras semula (sama ada ditambah/dikurang) markah gred jika diputuskan oleh Lembaga Peperiksaan Fakulti (BOE).
- xiii. Merahsiakan segala perbincangan yang berlaku dalam mesyuarat Lembaga Peperiksaan Fakulti (BOE) mengenai markah/gred peperiksaan.
- xiv. Menkuatkuasakan segala peraturan peperiksaan yang telah ditetapkan oleh Universiti khususnya dari segi keselamatan untuk mengelakkan kes-kes menipu / meniru.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN V

PENYEDIAAN KERTAS SOALAN

1. Jadual Penyediaan Kertas Soalan:

Fakulti / Pusat perlu mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan tentang aktiviti peperiksaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) untuk memastikan agar peperiksaan dapat berjalan dengan lancar.

2. Peraturan Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir:

- i. Pemeriksa hendaklah memastikan kertas soalan yang disediakan mengikut format yang disediakan untuk menentukan keseragaman. Sila rujuk Format Kertas Soalan Peperiksaan di Lampiran II.
- ii. Pemeriksa bertanggungjawab memberikan arahan yang ringkas dan tepat di muka hadapan kertas soalan.
- iii. Pemeriksa bertanggungjawab memastikan kertas soalan disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa *Vetting* Fakulti.
- iv. Pemeriksa bertanggungjawab membuat penambahbaikan soalan peperiksaan berdasarkan laporan di dalam borang penilaian yang diberikan oleh kumpulan pakar.
- v. Pemeriksa bertanggungjawab mencetak kertas soalan muktamad menggunakan kertas 100g/m².
- vi. Pemeriksa bertanggungjawab memasukkan kertas soalan ke dalam sampul surat bermateri. Maklumat peperiksaan seperti kod kursus, nama kursus, nama pensyarah dan bilangan pelajar hendaklah dinyatakan di muka hadapan sampul tersebut.
- vii. Penyelaras Peperiksaan Fakulti bertanggungjawab mengumpul dan menyemak sampul soalan peperiksaan bermateri. Jumlah sampul berkenaan hendaklah sama dengan jumlah kursus yang mengadakan peperiksaan akhir.
- viii. Penyelaras Peperiksaan Fakulti hendaklah menyediakan senarai serahan dan penerimaan sampul soalan peperiksaan untuk tujuan rekod.
- ix. Penolong Pegawai Tadbir Fakulti bertanggungjawab menyerahkan sampul soalan dan senarai serahan/penerimaan kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dalam tempoh yang ditetapkan.
- x. Setiap peperiksaan boleh memberi pelajar masa menjawab maksimum berdasarkan kredit kursus.

Kredit Kursus	Masa menjawab (maksimum)
1 kredit	1 jam
2 kredit	2 jam
3 kredit	3 jam
4 kredit	3 jam

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

- xi. Jawapan soalan perlu ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya soalan mengkehendaki pelajar menjawab dalam kertas soalan, pemeriksa hendaklah memberikan arahan di muka hadapan buku soalan peperiksaan. Ruangan yang disediakan adalah tidak melebihi dari setengah muka surat sahaja.
 - xii. Markah hendaklah dinyatakan di hujung tiap-tiap soalan atau ceraian soalan untuk membantu pelajar memperuntukkan waktu semasa menjawab.
 - xiii. Fakulti boleh mengemukakan permohonan kepada Senat bagi tujuan perlantikan pemeriksa luar kepada Fakulti untuk memberikan maklumat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan urusan akademik.
3. Peperiksaan Buku Terbuka (*Open Book*):
- i. Pemeriksa boleh mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa *Vetting* Fakulti sekiranya bercadang mengadakan peperiksaan bagi sesuatu kursus sebagai peperiksaan berkonsepkan *Open Book*. Tujuan mengadakan peperiksaan berkonsepkan *Open Book* adalah :
 - a) Mengelak para pelajar daripada menghafal formula yang rumit serta penggunaan graf/jadual atau gambar rajah yang sukar dilukis ketika menjawab soalan peperiksaan
 - b) Menguji pengetahuan pelajar tentang konsep asas kursus tersebut.
 - c) Mewujudkan soalan terbuka bagi menguji pemikiran kritis dan kreativiti pelajar dalam memahami kursus yang dipelajari.
 - d) Permohonan untuk mengadakan peperiksaan buku terbuka hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa *Vetting* Fakulti. Pemeriksa hendaklah menyatakan arahan peperiksaan terbuka di muka hadapan kertas soalan bahawa peperiksaan bagi kursus tersebut diadakan secara Buku Terbuka.
4. Cetakan dan Pembungkusan Kertas Soalan:
- Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) setelah menerima kertas soalan dalam bentuk muktamad, akan mencetak dan membungkus kertas soalan untuk peperiksaan mengikut jadual yang ditetapkan.
5. Tempoh Menyimpan Skrip Jawapan Di Fakulti / Pusat:
- Semua skrip jawapan hendaklah disimpan di fakulti / pusat untuk tempoh sekurang- kurangnya satu sesi akademik untuk sebarang tujuan.
6. Mengemukakan Kertas Soalan Kepada Perpustakaan:
- Setelah tamat tempoh minggu peperiksaan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) akan menghantar kertas soalan tersebut kepada pihak Perpustakaan. Walaubagaimanapun, sekiranya ada pemeriksa yang mahu kertas soalan tidak diserahkan kepada Perpustakaan, pemeriksa dikehendaki memaklumkan secara bertulis kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN VI

SISTEM PEMROSESAN MARKAH

1. Penilaian bagi setiap kursus dibuat secara berkala dan berterusan dalam sesuatu semester mengikut kaedah yang ditentukan Fakulti tertakluk kepada kelulusan Universiti.
2. Bagi semua kursus, markah peperiksaan akhir adalah 40% dan markah kerja kursus adalah 60% daripada markah keseluruhan.
3. Pemberian Markah/Gred Kerja Kursus Dan Peperiksaan Akhir:
 - i. Semua markah kerja kursus hendaklah dikemaskini di dalam *Lecturer - Integrated Management System* (IMS) selewat-lewatnya hari pertama peperiksaan dijalankan.
 - ii. Setelah markah/gred dimasukkan ke dalam IMS, pemeriksa hendaklah menyemak ketetapan markah gred yang telah dimasukkan. Jika terdapat kesilapan, pembetulan boleh dilakukan sewajarnya.
 - iii. Markah/gred tidak boleh diubah setelah disahkan (*finalised*). Laporan markah hendaklah dicetak dan diserahkan kepada pejabat Dekan. Perubahan, jika masih perlu dilakukan, hanya boleh dilakukan semasa mesyuarat Lembaga Peperiksaan Fakulti (BOE)

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN VII

SYARAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN

1. Penilaian Kursus:

- i. Semua peperiksaan diadakan pada penghujung setiap semester
- ii. Pelajar-pelajar mestilah menduduki peperiksaan akhir bagi kursus-kursus yang telah didaftarkan kecuali kursus-kursus yang mengandungi komponen 100% kerja kursus.
- iii. Penilaian sesuatu kursus itu ditentukan berdasarkan prinsip penilaian secara berterusan daripada komponen kerja kursus dan peperiksaan akhir. Penilaian terhadap kerja kursus pula boleh mengandungi aspek-aspek seperti penglibatan pengajaran, ujian, esei, projek, tugasan, laporan, persembahan, amali, kuiz, seminar, lisan dan lain-lain lagi

2. Pengukuran Kursus:

Pelajar-pelajar dibenarkan untuk menggugurkan kursus yang telah didaftar pada setiap semester dengan syarat pengukuran kursus mestilah dibuat sebelum minggu ke-9 perkuliahan

3. Kelayakan menduduki peperiksaan:

Pelajar-pelajar hanya dibenarkan menduduki peperiksaan jika mereka telah memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. Telah mendaftar kursus semasa minggu pendaftaran kursus
- ii. Telah melengkapkan Penilaian Pengajaran Secara Atas Talian (E-PAT)
- iii. Telah mencetak slip menduduki peperiksaan. Pelajar hanya dibenarkan menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus seperti yang tercatat dalam slip peperiksaan sahaja
- iv. Disahkan oleh Dekan/Pengarah bahawa mereka telah memenuhi syarat pengambilan peperiksaan iaitu memenuhi 80% kehadiran ke kuliah dan menyempurnakan keperluan kerja kursus.

4. Halangan Menduduki Peperiksaan:

- i. Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi perkara no. 3 (i hingga iv) di atas boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan pada semester berkenaan.
- ii. Pihak Fakulti / Pusat boleh menetapkan tatacara penghalangan yang difikirkan sesuai dipatuhi di peringkat Fakulti / Pusat masing-masing.

5. Mengulang gred kursus:

- i. Pelajar yang mendapat gred C- dan ke bawah boleh mengulang kursus tersebut pada mana-mana semester yang ditawarkan untuk memperbaiki kursus berkenaan.
- ii. Pembaikan gred bagi sesuatu kursus hanya dibenarkan sekali sahaja kecuali kursus yang dibaiki itu gagal.
- iii. Pencapaian terkini akan diambilkira untuk pengiraan CPA/GPA bagi pelajar berkenaan.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

- iv. Tempoh pengajian pelajar belum tamat.
 - v. Kod UG akan dicatatkan di dalam transkrip akademik pelajar.
6. Tidak hadir menduduki peperiksaan:
- i. Pelajar dibenarkan menanggung peperiksaan dengan syarat mengemukakan permohonan kepada Dekan Fakulti berkenaan penangguhan tersebut.
 - ii. Gred TS: Tidak Selesai akan diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir atau tidak dapat menyiapkan kerja kursus sesuatu kursus kerana disahkan sakit atau alasan lain yang boleh diterima Universiti. Pelajar yang mendapat gred TS adalah dikehendaki menduduki peperiksaan khas sebagai ganti peperiksaan akhir semester atau menyiapkan kerja kursus berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

BAHAGIAN VIII

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

1. Tanggungjawab pelajar ialah hadir ke peperiksaan seperti yang dijadualkan di dalam jadual waktu peperiksaan. Sila rujuk Peraturan Peperiksaan Bahagian V.

BAHAGIAN IX

PELANTIKAN PETUGAS PEPERIKSAAN

1. **Lantikan petugas peperiksaan:**

- i. Setiap staf fakulti samada terlibat/tidak terlibat dengan pengajaran pada semester berkenaan akan terlibat dalam pengawasan peperiksaan.
- ii. Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) akan melantik petugas peperiksaan melalui Dekan Fakulti dengan berdasarkan:
 - a) Ketua Pengawas adalah terdiri daripada Pensyarah.
 - b) Pengawas adalah terdiri daripada Pensyarah, Guru Bahasa, Tutor, Jurutera Pengajar (JP), Penolong Jurutera Pengajar (PJP) dan staf sokongan fakulti.

2. **Tempat dan Tarikh Bertugas:**

Seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Petugas Peperiksaan.

3. **Kehadiran:**

Semua staf fakulti yang terlibat sebagai petugas peperiksaan diwajibkan hadir bagi melancarkan tugas-tugas mengawas di minggu peperiksaan. Sekiranya petugas peperiksaan tidak dapat hadir atas urusan rasmi, petugas berkenaan perlu mencari pengganti dan memaklumkan kepada pentadbiran Fakulti serta Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) melalui Dekan/Pengarah masing-masing.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

4. Nisbah antara Ketua Pengawas dan Pengawas:

Nisbah antara Ketua Pengawas dan Pengawas adalah berdasarkan jumlah pelajar di dalam satu dewan peperiksaan. Nisbah berkenaan ialah seperti berikut :

PELAJAR	KETUA PENGAWAS	PENGAWAS
<50	1	1
51 – 100	1	2
101 – 150	1	2
151 – 200	1	2
201 – 250	1	3
251 – 300	1	3
301 – 350	1	3
351 – 400	1	4
401 – 450	1	4
451 – 500	1	4
>500	1	5

5. Bilangan/kekerapan pengawasan peperiksaan:

- i. Keekerapan bertugas sepanjang minggu peperiksaan:
 - a) Timbalan Dekan : tidak melebihi 2 kali.
 - b) Pensyarah : tidak melebihi 3 kali
 - c) Guru Bahasa / Tutor / JP / PJP / Staf Sokongan Fakulti : tidak melebihi 4 kali
- ii. Walaubagaimanapun, kekerapan di atas tidak dikira sekiranya staf menggantikan tugas mengawas untuk petugas peperiksaan yang lain.
- iii. Staf yang dikecualikan daripada bertugas pengawasan:
 - a) Dekan Fakulti / Pengarah Pusat
 - b) Pemangku Dekan / Pengarah Pusat
 - c) Staf bercuti belajar
 - d) Staf bercuti tanpa gaji

6. Tingkahlaku Ketua Pengawas dan Pengawas:

- i. Staf yang terlibat dengan pengawasan peperiksaan hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :
 - a) Tidak berbual sehingga mengganggu konsentrasi pelajar.
 - b) Tidak memakai kasut yang berbunyi bising.
 - c) Tidak belegar-legar di tempat duduk pelajar hingga mengganggu konsentrasi pelajar.
 - d) Tidak melakukan kerja-kerja lain seperti membuat penandaan skrip jawapan, membaca surat khabar/majalah/buku.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN X

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

1. Keputusan keseluruhan bagi setiap pelajar hendaklah mendapat pengesahan dari Senat Universiti
2. Pengumuman rasmi keputusan peperiksaan akan diumumkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) selepas mendapat kelulusan Senat Universiti.
3. Keputusan keseluruhan bagi seseorang pelajar yang diberhentikan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
4. Keputusan peperiksaan seseorang pelajar yang disahkan oleh Bendahari Universiti sebagai berhutang dengan pihak Universiti akan ditahan sehingga hutangnya dijelaskan.
5. Slip keputusan peperiksaan akan dicetak oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan diedarkan kepada pelajar melalui fakulti pada setiap semester.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN XI

RAYUAN SEMAKAN GRED

1. Semakan semula gred ialah semakan semula kertas jawapan peperiksaan akhir oleh pensyarah bagi memastikan bahawa tidak terdapat kesilapan teknikal iaitu dari segi salah campuran atau tertinggal sesuatu bahagian dari diperiksa atau kesilapan dalam pemberian markah untuk satu-satu jawapan.
2. Setiap rayuan terhadap keputusan peperiksaan akhir Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis oleh pelajar kepada Fakulti berkenaan dalam masa satu (1) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Pelajar hendaklah mengisi Borang Semakan Semula Gred yang disediakan di BPA.
3. Bayaran RM50.00 / kursus akan dikenakan untuk proses semakan semula. Bayaran hendaklah dibuat di kaunter pembayaran Jabatan Bendahari. Resit bayaran hendaklah dikepilkan bersama Borang Semakan Semula Gred.
4. Keputusan semakan semula gred adalah bergantung kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Universiti
5. Markah yang diambilkira bagi semakan semula gred ialah markah yang didapati selepas semakan semula tanpa mengira sama ada gred dinaikkan atau diturunkan.
6. Borang Semakan Semula Gred yang telah diisi tidak akan diterima oleh pejabat Fakulti sekiranya:
 - i. Dikemukakan selepas tempoh semakan
 - ii. Tidak diisi dengan lengkap
 - iii. Tidak dikemukakan bersama salinan resit bayaran.
7. Borang Semakan Semula Gred yang diterima selepas tamat tempoh tidak akan dipertimbangkan.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN XII

PENYELEWENGAN PEPERIKSAAN

1. Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana penyelewengan semasa peperiksaan seperti berikut:
 - i. Memberi atau menerima atau memiliki sebarang maklumat yang berkaitan dengan soalan peperiksaan semasa berada di dalam dewan/bilik peperiksaan.
 - ii. Menggunakan sebarang bahan rujukan yang dilarang di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan bagi tujuan peperiksaan.
 - iii. Berhubung dengan pelajar atau pihak lain dengan apa cara sekalipun.
 - iv. Menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan dan/atau meneruskan menjawab selepas waktu peperiksaan tamat.
2. Pelajar tidak dibenarkan mewakilkan pihak lain untuk menduduki peperiksaan bagi pihaknya.
3. Pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini juga boleh diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang (Tatatertib Pelajar), (Pindaan 2009).

BAHAGIAN XIII

HUKUMAN

1. Sekiranya pelajar didapati tidak mematuhi mana-mana daripada peraturan peperiksaan ini, setelah dibicara dan sabit kesalahannya, maka Senat boleh mengambil tindakan berikut:
 - i. Pelajar akan gagal kursus berkenaan dan perlu mengulang semula kursus tersebut pada semester yang ditawarkan.
 - ii. Menggantung pengajian pelajar untuk tempoh yang ditentukan.
 - iii. Membatalkan keputusan bagi keseluruhan peperiksaan semester yang terbabit.
 - iv. Membatalkan keputusan keseluruhan peperiksaan dan diberhentikan daripada pengajian.
 - v. Hukuman terdiri daripada sebarang kombinasi (i hingga iv) atau salah satu di atas.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

BAHAGIAN XV

PEPERIKSAAN KHAS

1. Jenis-jenis peperiksaan khas:
 - i. Kategori A: Peperiksaan khas bagi pelajar yang tidak hadir peperiksaan di minggu peperiksaan kerana sebab-sebab kesihatan, kes kecemasan dan kes kematian yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan
 - ii. Kategori B: Peperiksaan khas ulangan bagi pelajar di tahun akhir pengajian yang memerlukan hanya satu kursus lagi untuk bergraduasi atau menjalani Latihan Industri.
2. Peperiksaan Khas Kategori A:
 - i. Syarat-syarat :
 - a) Pelajar mestilah mempunyai Sijil Cuti Sakit dari Hospital Kerajaan/Pusat Kesihatan Pelajar. Sekiranya mendapat rawatan di hospital/klinik swasta, mestilah mendapat pengesahan dari Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Pelajar/Hospital Kerajaan sahaja.
 - b) Pelajar yang kematian saudara terdekat (ibu, bapa, saudara kandung, isteri, suami dan anak) hanya diberikan 3 hari sahaja tempoh pelepasan. Pelajar dikehendaki mengemukakan permohonan bertulis dan hendaklah disertakan salinan Sijil Kematian saudara tersebut.
 - c) Pelajar yang menghadapi kes kecemasan seperti kemalangan dan menjaga waris kerana sakit tenat hendaklah mengemukakan permohonan bertulis dan disertakan dokumen sokongan.
 - d) Pelajar yang jatuh sakit sewaktu peperiksaan sedang berlangsung, boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Dekan Fakulti bagi menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Surat akuan dari Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Pelajar hendaklah dikepilkan bersama permohonan.
 - e) Mana-mana pelajar yang mendapatkan rawatan kerana pembedahan, penyakit bersifat psikologi, gangguan mental dan apa-apa penyakit berjangkit hendaklah mengemukakan permohonan dan perakuan perubatan dari Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Pelajar/Hospital Kerajaan.
 - ii. Semua permohonan menduduki peperiksaan khas hendaklah dikemukakan oleh pelajar secara bertulis dengan mengisi Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan Khas beserta dokumen sokongan kepada Fakulti dalam tempoh 3 hari dari hari pelajar tidak hadir ke peperiksaan kursus tersebut.
 - iii. Sekiranya tiada permohonan diterima daripada pelajar dalam tempoh yang ditetapkan mengenai kes di atas, pelajar hendaklah dianggap Gagal dalam peperiksaan tersebut. Pelajar dikehendaki mengulang kursus berkenaan pada semester yang kursus ditawarkan.
 - iv. Markah peperiksaan bagi peperiksaan khas Kategori A akan menggantikan markah peperiksaan akhir sahaja manakala markah kerja kursus adalah kekal dan diambil kira dalam pengiraan CPA dan GPA
3. Peperiksaan Khas Kategori B:
 - i. Syarat-syarat:
 - a) Pelajar pernah mengikuti kursus tersebut dan menduduki peperiksaan akhir tetapi gagal.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

- b) Lulus semua kursus lain kecuali satu kursus ini sahaja untuk bergraduat atau menjalani Latihan Industri pada tahun terakhir pengajian dan mencapai CPA sekurang-kurangnya 2.00.
 - c) Mendapat persetujuan Fakulti dan Pusat yang menawarkan kursus tersebut.
 - d) Peperiksaan Khas (Ulangan) ini hanya boleh diambil sekali sahaja. Sekiranya pelajar masih gagal Peperiksaan Khas (Ulangan), pelajar dikehendaki mengikuti semula kursus dalam semester biasa.
 - e) Mengaturkan pertemuan dengan pensyarah yang dilantik untuk tujuan ulangkaji dan persediaan peperiksaan bagi tempoh 2 minggu sebelum menduduki Peperiksaan Khas (Ulangan).
- ii. Proses permohonan Peperiksaan Khas Kategori B adalah seperti berikut:
- a. Pelajar membuat pembayaran yuran pentadbiran sebanyak RM50.00 di Kaunter Unit Kewangan Pelajar. Borang Arahan Pembayaran boleh diambil di Kaunter Bahagian Pengurusan Akademik
 - b. Pelajar mendapatkan borang Permohonan Peperiksaan Khas di Fakulti
 - c. Pelajar mengemukakan Borang Permohonan Peperiksaan Khas dan salinan keputusan yang menunjukkan bahawa hanya satu kursus itu sahaja yang diperlukan untuk bergraduat atau menjalani Latihan Industri serta pengesahan persetujuan dari Fakulti/Pusat yang menawarkan kursus tersebut.
 - d. Fakulti memaklumkan keputusan permohonan kepada pelajar
 - e. Fakulti menguruskan Peperiksaan Khas bagi permohonan yang lulus
 - f. Fakulti menghantar keputusan Peperiksaan Khas kepada Bahagian Pengurusan Akademik
- iii. Markah peperiksaan akhir peperiksaan Kategori B akan menentukan keputusan kursus berkenaan lulus/gagal dan tidak diambilkira dalam pengiraan GPA dan CPA.

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

LAMPIRAN I

Panduan & Prosedur Penyediaan Jadual Waktu Peperiksaan

Pengenalan

Panduan ini disediakan sebagai rujukan untuk memproses dan mengeluarkan jadual waktu peperiksaan akhir bagi satu-satu semester.

Prosedur yang terlibat ialah :

NO	PERKARA	TINDAKAN
1	Proses Pendaftaran Kursus Untuk Peperiksaan Akhir	Penyelaras Kursus
2	Proses Penyediaan Keperluan Peperiksaan	Penyelaras Kursus & BPA
3	Proses Jadual Waktu Peperiksaan	BPA

PENDAFTARAN KURSUS UNTUK PEPERIKSAAN AKHIR

1. Penyelaras kursus bertanggungjawab membuat pendaftaran kursus di bawah seliaannya untuk peperiksaan akhir dalam tempoh yang ditetapkan (Sila rujuk Jadual Kerja Urusan Peperiksaan di Lampiran I – A)
2. Penyelaras kursus bertanggungjawab memberikan maklumat peperiksaan ketika membuat pendaftaran kursus untuk peperiksaan akhir. Maklumat yang perlu diberikan ialah:
 - i. Keperluan peralatan peperiksaan
 - ii. Masa menjawab
 - iii. Pensetaraan dengan kod kursus yang lain:
 - a) Tujuan pensetaraan ialah mengadakan sesi peperiksaan serentak dari segi tarikh dan masa.
 - b) Pensetaraan hanya boleh digunakan untuk kod kursus lama dengan kod kursus baru.
 - c) Pensetaraan tidak boleh digunakan untuk program Sarjana Muda dengan Diploma.
3. Pendaftaran kursus hendaklah dibuat dan dicetak melalui IMS *Lecturer > Examination > Examination Requirement*.
4. Penolong Pendaftar Fakulti bertanggungjawab menyemak dan menandatangani Borang *Examination Requirement* bagi peperiksaan akhir. Borang tersebut hendaklah dihantar ke Unit Peperiksaan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA).
5. Sila rujuk Borang *Examination Requirement* untuk kegunaan peperiksaan akhir di Lampiran I – B.

**NOMBOR RUJUKAN: BPA.PP.1
KELUARAN: 1**

**PERATURAN DAN PANDUAN PEPERIKSAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

PROSES PENYEDIAAN KEPERLUAN PEPERIKSAAN

1. Unit Peperiksaan, BPA bertanggungjawab menyediakan keperluan asas peperiksaan. Keperluan asas yang disediakan oleh BPA ialah seperti:
 - i. Helaian jawapan
 - ii. Buku jawapan
 - iii. Kertas graf (biasa)
 - iv. Jadual statistik
 - v. Jadual *thermodynamics*
 - vi. *Code of Practise* : BS8110
 - vii. *Code of Practise* : BS5950
 - viii. Borang OMR
